



جياتن كذاكين شرعية هليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (38)
Takwim : 3 Sya'ban 1424H
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2003

Bentuk Prosiding Dan Permohonan Ex Parte Bagi Perintah Sementara

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan permohonan ex-parte bagi permohonan sementara, kandungan affidavit dan perakuan segera menyokong permohonan. Permohonan ex-parte bagi apa-apa perintah sementara boleh difailkan dalam mana-mana keadaan yang memerlukan perintah segera **dengan syarat sekiranya kes induk belum difailkan pada masa permohonan ex-parte itu difailkan, Pemohon itu hendaklah memfailkan kes induknya dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan itu difailkan.**

2. Mana-mana perintah sementara yang dikeluarkan berhubung permohonan ex-parte itu hanya berkuatkuasa selama tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah yang tidak akan melebihi 30 hari dari tarikh perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah atau selama 30 hari dari tarikh perintah itu dikeluarkan oleh Mahkamah sekiranya Mahkamah tidak tetapkan tempoh berkuatkuasanya perintah itu melainkan Mahkamah membatalkan atau mengenyepikan perintah itu sebelum genap tempoh berkuatkuasa perintah itu.

3. Kandungan perintah sementara tersebut hendaklah antara lain mengandungi syarat-syarat:-

- i. Bahawa mana-mana pihak yang terlibat (affected) oleh perintah sementara tersebut berhak memohon secara inter-partes bagi membatalkan atau mengubah perintah sementara itu sekiranya pemohon bagi perintah

sementara itu tidak menzahirkan atau salah nyatakan mana-mana fakta yang berkaitan ;

- ii. Tarikh bicara inter-partes bagi melanjutkan, mengubah atau membatalkan perintah sementara itu hendaklah ditetapkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah sementara dikeluarkan ;
 - iii. Pemohon hendaklah menyerahkan perintah sementara itu bersama-sama salinan permohonan, affidavit dan perakuan segera yang difailkan bagi menyokong permohonan ex-partenya kepada semua pihak yang terlibat oleh perintah sementara .
4. Kandungan affidavit yang menyokong permohonan ex-parte bagi perintah sementara hendaklah mengandungi antara lain aku janji pemohon akan membayar apa-apa ganti rugi yang ditaksirkan atas kerugian kepada mana-mana pihak akibat memperolehi perintah sementara itu yang tidak sepatutnya dikeluarkan.
 5. Permohonan ex-parte perintah sementara hendaklah disokong juga oleh perakuan segera yang ditanda tangani oleh Peguam Syarie pemohon.
 6. Arahan Amalan No.4 Tahun 2000 hendaklah terhenti berkuatkuasa dari tarikh penguatkuasaan arahan amalan ini.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2003